

BAB 7

KESIMPULAN

Sejak sebelum penjajahan hingga kemasukan British ke Kedah pada 1909, wanita Melayu didapati telah memainkan peranan yang berterusan dalam aspek sosio-ekonomi dan kemasyarakatan. Meskipun kolonialisme hadir dengan penekanan modal yang lebih rencam menerusi pengenalan kerja berdasarkan upah, penguatkuasaan undang-undang dalam aspek tanah dan sebagainya yang mempunyai kesan tersendiri terhadap kegiatan permodalan namun pembaharuan-pembaharuan ini tidak pernah menghalang wanita Melayu dari terus terlibat dalam aspek sosio-ekonomi yang telah mereka pikul sejak sekian lama. Sumbangan dalam aspek sosio-ekonomi ini telah diperakukan oleh undang-undang negeri itu seperti yang termaktub dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh. Pengiktirafan terhadap hasil kerja wanita ini merupakan titik tolak penting dalam sejarah wanita Melayu kerana inilah julung kali dalam sejarah perundangan tradisional adat Temenggung, kaum wanita diiktiraf sebagai penyumbang penting terhadap kemantapan ekonomi keluarga dan negeri.

Kenyataan bahawa “rakyat isi Kedah ini lebih kerja perempuan daripada laki-laki pada genap perkaranya” sebagaimana yang tercatat dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh secara tidak langsung bermaksud kaum wanita sejak zaman tradisional tidak bergantung sepenuhnya kepada kaum lelaki untuk menyara kehidupan keluarga. Meskipun dalam mana-mana masyarakat Asia kaum lelaki dianggap sebagai pelindung dan pencari rezeki yang unggul namun kajian ke atas wanita Melayu Kedah mendapati konsep ini begitu longgar sekali. Di Kedah, ketidakupayaan kaum lelaki

berfungsi sebagai pencari rezeki utama memaksa kaum wanita keluar bekerja di sawah dan menambahkan pendapatan dengan pelbagai cara. Sumbangan besar dalam aspek pencarian rezeki ini tidak pula bermaksud kaum wanita menikmati hubungan gender yang setaraf kerana adat tidak membenarkan keadaan ini berlaku. Malah bukti yang ada tidak cukup kuat untuk mengatakan wanita Melayu menikmati autonomi relatif kerana dalam setiap pekerjaan seperti yang berkait dengan penerokaan tanah dan tanaman, kaum lelaki masih merupakan kumpulan yang membuat keputusan. Malah pendapatan daripada sesuatu pekerjaan itu dikongsi dalam unit keluarga dan bukannya dinikmati oleh wanita itu secara individu.

Tanah dan sawah menjadi tumpuan utama kegiatan permodalan wanita Melayu. Sesetengah harta ini diperolehi secara warisan dan tidak kurang juga yang dibeli sendiri. Penglibatan meluas dalam aktiviti ekonomi ini akhirnya turut mewujudkan wanita Melayu yang berdikari dalam kampung. Mereka muncul sebagai tuan tanah, menyewakan bendang, membuat peniagaan sampingan dalam kampung seperti berjualan barang kemas dan sesetengahnya mampu menjadi pembiutang kepada orang kampung. Bagi wanita kerabat yang berpeluang memiliki tanah yang lebih banyak menerusi hak mereka sebagai kerabat diraja, peluang mengumpulkan harta semakin meningkat. Tanah yang dipohon daripada kerajaan dan yang dibeli daripada rakyat bukan sahaja diusahakan secara upah, dipajakkkan, didirikan rumah sewa, dijual dengan harga yang lebih tinggi malah wanita kerabat juga berpeluang mengaut keuntungan besar dengan terlibat dalam spekulasi tanah.

Pendekata, baik sebelum mahupun sesudah kemasukan British, wanita Melayu sudahpun mempunyai konsep tentang pengumpulan harta kekayaan serta kesedaran untuk keluar daripada kemiskinan. Justeru itu kajian ini mendapati wanita Melayu tidak gentar mempertahankan hak ke atas harta-harta sepencarian dan harta-harta peninggalan orang tua, suami dan adik beradik daripada jatuh ke pihak lain. Mereka tidak teragak-agak menghantar surat aduan kepada kerajaan dan membuat dakwaan di mahkamah sekalipun terhadap suami mahupun terhadap golongan kerabat diraja apabila mendapati hak mereka ke atas harta sepencarian atau harta-harta lain dicabuli. Kesediaan membuat permohonan tanah, memohon harta pesaka serta menghantar petisyen kepada kerajaan bukanlah fenomena yang baru muncul di zaman penjajahan malah sudah kelihatan di zaman sebelumnya lagi.

Meskipun anjal mengikut perubahan, wanita Melayu juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah yang berkaitan dengan fungsi sosio-ekonomi mereka. Keluarga sebagai satu unit pengeluaran seringkali mengheret wanita Melayu dan anak-anak perempuan ke dalam permasalahan sosio-ekonomi yang adakalanya berpunca daripada kaum lelaki. Sebelum amalan orang berhutang dihapuskan dengan penguatkuasaan undang-undang pada 1910, wanita dan kanak-kanak, misalnya, terheret dalam kancang orang berhutang apabila si suami atau bapa tidak mampu menyediakan modal untuk memulakan tanaman atau membiayai keperluan harian dan belanja sewaktu kecemasan. Untuk menyelesaikan masalah ini, wanita Melayu mula berhutang atau terpaksa menanggung sama beban hutang suami dengan menjadi orang berhutang. Tindakan berhutang ini membawa kesan besar kepada kehidupan sekeluarga kerana kini mereka mula terikat dengan jadual kerja tuan mas untuk suatu tempoh tertentu. Kaum wanita dan kanak-kanak mula meninggalkan rumah tangga untuk bekerja di bendang atau di

rumah tuan mas. Kanak-kanak biasanya dibawa tinggal di rumah tuan mas sebagai pengasuh dan membantu urusan rumah tangga.

Corak ikatan hutang tradisional ini kemudiannya diambilalih oleh golongan pemutang yang semakin bertambah bilangannya akibat pengenalan ekonomi kapitalis yang lebih giat pada awal abad ke-20. Wanita Melayu kini terdedah kepada risiko kehilangan tanah akibat hutang yang tidak mampu dibayar. Cara pinjaman kapitalis yang berteraskan bunga dan sandaran (seperti tanah) dan kerap kali pula diiringi penipuan, telah menjerat wanita Melayu yang kebanyakannya buta huruf dengan tindakan mahkamah dan risiko kehilangan tanah. Masalah ini bukan sahaja berleluasa di kalangan wanita biasa malah juga wanita kerabat sehingga menimbulkan keimbangan kerajaan. Golongan wanita kerabat menjadi tumpuan ceti dan pemutang kerana biasanya tanah-tanah yang dijadikan sandaran hutang itu tinggi nilainya mengikut harga di pasaran. Untuk mengelakkan wanita kerabat diheret ke mahkamah dan menghadapi risiko kehilangan tanah, kerajaan Kedah pada suatu ketika bertindak menguruskan pembayaran hutang dengan cara memotong elaun kerabat wanita yang terbabit.

Masalah hutang di kalangan wanita Melayu turut mendedahkan beberapa kelemahan yang ketara termasuk pendidikan yang amat kurang untuk anak-anak perempuan. Oleh kerana lemah dalam ilmu kira-kira dan buta huruf, wanita Melayu mudah ditipu dalam sebarang urusan kewangan. Desakan hidup akibat belenggu hutang ini menyebabkan muncul permintaan luarbiasa daripada wanita Melayu supaya kerajaan mengeluarkan pinjaman bagi membayar hutang. Meskipun permohonan seperti ini tidak pernah mendapat perhatian kerajaan namun dari satu segi gejala berhutang menjadi

salah satu sebab mengapa kerajaan mula memberi perhatian kepada pendidikan untuk kanak-kanak perempuan di negeri itu.

Pendidikan dan perubatan merupakan dua aspek yang memberi ruang kepada pihak British untuk menunjukkan kuasa ke atas Kedah setelah usaha-usaha lain tidak banyak memberi peluang untuk mereka berbuat demikian. Kedah sesungguhnya berusaha mencontohi pemodenan yang dilakukan oleh negeri-negeri Melayu yang berada di bawah pentadbiran British sehingga British mendapati tidak banyak yang perlu mereka lakukan apabila masuk ke negeri itu pada 1909 kecuali dalam dua aspek tersebut. Dalam aspek kesihatan, perkhidmatan kepada bangsa Melayu termasuk kaum ibu ternyata menjadi tumpuan utama pihak British berbanding bangsa lain. Ini berkait dengan kedudukan orang Melayu (termasuk kaum wanita) sebagai pembekal bahan makanan yang utama kepada penduduk Tanah Melayu. Kajian tentang penyakit dan pemakanan yang dijalankan di Kedah adalah berkait dengan kepentingan ini malah sesetengah jawatan seperti jawatan Pegawai Perubatan Wanita diwujudkan khusus untuk memberi perkhidmatan kepada kaum ibu dan kanak-kanak Melayu di negeri itu.

Pun begitu pihak Barat membuat kesimpulan tidak tepat berhubung sikap orang Melayu terhadap kesihatan sementara niat utama penguasaan mereka ke atas aspek perubatan berjaya disembunyikan. Ketaksuhan kepada amalan tradisi seperti perbidanan dan perbomohan, pengabaian penjagaan kebersihan dan pemakanan yang tidak sesuai serta prasangka buruk terhadap perubatan Barat dikatakan menjadi punca utama penolakan orang Melayu terhadap perubatan Barat. Perkara lain yang tidak kurang pentingnya seperti kemiskinan hidup yang menghalang orang Melayu mendapatkan makanan dan tempat tinggal yang lebih baik serta masalah pengangkutan yang menjadi

halangan utama kepada orang Melayu di kawasan luar bandar mengunjungi hospital dan klinik meskipun mereka mempunyai hasrat untuk berbuat demikian jarang ditonjolkan sebagai punca mengapa orang Melayu pada awalnya keberatan menerima perubatan moden.

Malah orang Melayu terus menerus dianggap sebagai golongan yang tidak mengambil berat tentang kesihatan sementara pihak British mempamerkan diri mereka sebagai penyelamat bangsa menerusi pengenalan kaedah perubatan moden. Usaha orang tempatan seperti sultan, penghulu dan kaum wanita sendiri dalam memperbaiki tahap kesihatan tidak pernah ditonjolkan. Dalam kes wanita Melayu Kedah, amat jelas penerimaan secara perlahan-lahan orang Melayu (termasuk wanita) terhadap perubatan moden turut dibantu oleh golongan orang tempatan di atas. Kemunculan wanita Melayu sebagai kumpulan yang mencatat jumlah yang paling tinggi diberi suntikan puru berbanding wanita bangsa lain merupakan bukti wanita Melayu tidak menolak seratus peratus perubatan barat sekiranya kena pada caranya. Hakikat ini sebenarnya tidak disedari atau tidak pernah cuba difahami oleh pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Kedah kecuali bagi yang benar-benar menghayati tugas mereka.

Dr. Brodie dan pembantu-pembantu Melayunya seperti Cik Buang merupakan antara contoh petugas kesihatan yang bertungkus lumus membawa perubahan kepada pemikiran wanita Melayu dalam aspek kesihatan. Berbeza dengan pegangan pegawai British yang lain, Dr. Brodie menganggap wanita Melayu merupakan golongan yang mampu berubah perlahan-lahan. Apa yang menjadi masalah ialah petugas kesihatan British yang menurut Dr. Brodie, tidak mempunyai kesabaran untuk menunggu lebih lama untuk menyaksikan hasilnya. Dr. Brodie juga yakin dengan peningkatan dalam

bilangan kanak-kanak perempuan yang bersekolah dari masa ke semasa, idea-idea tentang kebersihan diri yang diajar di sekolah atau melalui suratkhabar akan dapat dipraktikkan perlahan-lahan di rumah dan kemudiannya disebarluaskan kepada orang lain. Dengan perkembangan ini dan juga berikutnya perluasan perkhidmatan perbidanan ke kawasan luar bandar kadar kematian ibu dan bayi semakin menurun sejak akhir 1930an.

Perubahan yang dicapai dalam aspek perubatan dan kesihatan ternyata mempunyai kaitan dengan perkembangan pendidikan di negeri itu. Sekurang-kurangnya ilmu pendidikan, walaupun tidak mendalam, menjadikan orang Melayu lebih terdedah kepada pembaharuan. Sejak abad ke-19 lagi orang tempatan telah memainkan peranan penting dalam pengasasannya pendidikan awal di Kedah. Pendidikan awal ini kemudiannya telah diperkembangkan oleh British dengan memperkenalkan sistem persekolahan moden yang seragam dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Namun dalam soal penubuhan sekolah-sekolah perempuan, ia digerakkan oleh orang Melayu sendiri. Sekolah Perempuan Melayu yang pertama di Kedah ditubuhkan pada 1907 atas usaha Tunku Yahya, Pengusaha Pelajaran waktu itu. Begitu juga penubuhan KBGS sebagai sekolah perempuan aliran Inggeris yang pertama di negeri itu pada 1924 adalah berkait rapat dengan tuntutan orang Melayu khususnya pegawai Melayu yang juga dari kalangan kerabat diraja. Ia dilihat sebagai satu-satunya cara untuk mengurangkan penyakit berhutang di kalangan wanita kerabat. Apa yang diharapkan oleh golongan tersebut pendidikan dapat mewujudkan generasi baru kanak-kanak perempuan yang bebas daripada tabiat berhutang, tidak lagi mudah ditipu di samping melahirkan generasi wanita yang lebih cerdik.

Hasrat yang sama cuba diterapkan oleh rakyat biasa apabila mereka mengemukakan tuntutan agar kerajaan membuka lebih banyak sekolah untuk anak-anak perempuan. Namun hasrat rakyat jelata berhubung pendidikan anak-anak perempuan sangat terhad yakni setakat membolehkan mereka menulis, membaca dan mengira sebelum memasuki alam rumah tangga. Ramai di antara mereka meninggalkan alam persekolahan sebelum benar-benar dapat melihat hasilnya. Sikap dan prejedis ibu bapa inilah yang sering ditonjolkan oleh pihak penjajah. Apa yang disembunyikan ialah kegagalan kerajaan membina lebih banyak sekolah perempuan berbanding sekolah lelaki meskipun banyak petisyen dihantar oleh orang Melayu memohon kerajaan membina sekolah perempuan di daerah mereka. Malah sehingga sebelum Perang Dunia Kedua, sekolah perempuan terus kekal lima buah berbanding 83 buah sekolah lelaki.

Meskipun alasan biasa yang diberikan bahawa pembinaan sekolah perempuan memerlukan belanja yang banyak kerana kerajaan terpaksa membina bangunan berasingan dan menyediakan guru perempuan berasingan sudah diterima ramai namun alasan tersembunyi yang dapat dikesan masih berkisar kepada prejedis pentadbir British bahawa anak-anak lelaki perlu diberi pendidikan yang lebih kerana mereka bakal menyara keluarga. Prejedis ini hanya dicatatkan di kulit-kulit luar fail tetapi dapat menjelaskan mengapa kerajaan enggan melayan permintaan penduduk untuk membuka sekolah perempuan di samping menjelaskan mengapa begitu ramai kanak-kanak perempuan masih tidak mendapat pendidikan sehingga sebelum Perang Dunia Kedua. Dengan masalah pengangkutan dan kedhaifan hidup, adalah sukar untuk mengharapkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka berbatu-batu jauhnya dengan kereta lembu atau berjalan kaki semata-mata untuk menjadikan mereka celik huruf. Penubuhan sekolah rakyat khusus untuk anak-anak perempuan merupakan bukti penting bahawa orang

Melayu baik lelaki atau perempuan tidak menolak idea memberi pendidikan untuk anak-anak perempuan. Malang sekali tiada banyak catatan ditemui mengenai sekolah akyat khususnya sekolah untuk anak-anak perempuan. Perkembangan yang perlahan ni sebenarnya mencapai sasaran utama British dalam memperkenalkan pendidikan untuk anak-anak perempuan iaitu untuk menjadikan mereka suri rumah yang cerdik.

Pada keseluruhannya, penjajahan tidak banyak mengubah peranan sosio-ekonomi yang telah dimainkan oleh wanita Melayu Kedah. Meskipun masih bergerak dalam ruang kehidupan sosio-ekonomi atas landasan yang lama, wanita Melayu tidak memisahkan diri daripada persaingan mencari rezeki dan mengumpul harta. Malah sehingga sebelum Perang Dunia Kedua, wanita Melayu terus kekal sebagai golongan pembekal makanan yang utama di negeri itu. Gerak kuasa kepada penglibatan ini datang dari diri wanita sendiri dan bukan semata-mata kerana pembaharuan yang dibawa oleh penjajahan kerana penjajahan di Kedah hanya memperkemaskan dan mengetatkan pentadbiran yang diuruskan oleh pentadbir tempatan.